

APPENDIX 1

SYARAT-SYARAT BAGI PENGENDALIAN DAGANGAN BERBAHAYA LPK KUMPULAN 1 DI DERMAGA (PUNGGAH/ MUAT) **CONDITIONS FOR HANDLING OF LPK GROUP 1 DANGEROUS GOODS AT WHARF (DISCHARGING/ LOADING)**

- i. Mematuhi keperluan Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kelang (Pindaan) 1989.
To comply with Kelang Port Authority (Amendment) By-Laws 1989.
- ii. Bahan letupan dikendalikan pada waktu siang sahaja. Pengendalian pada waktu malam perlu mendapat kebenaran pihak Lembaga.
Explosives should be handled during daytime only. Approval has to be obtained from the Authority for handling at night.
- iii. Jentera bomba tunggu sedia sepanjang kerja memunggah/ memuat berjalan.
Fire engine on standby throughout the duration of discharging / loading.
- iv. Kawasan di mana kerja memunggah/ memuat sedang dijalankan perlu dikepung.
To barricade the protected area where discharging / loading is in progress.
- v. Pegawai keselamatan hendaklah menghalang pihak tidak berkenaan dan mengawal pergerakan kenderaan di kawasan pengendalian.
Security officers to prevent access of unauthorized personnel and control the movement of vehicles in the handling area.
- vi. Bahan letupan dibawa ke dermaga untuk dimuatkan ke kapal hanya apabila kapal bersedia untuk menerimanya. Bahan letupan dipunggah dari kapal ke dermaga hanya apabila pengangkutan untuk membawanya dari kawasan pelabuhan telah disediakan.
No explosives should be brought to a berth for loading into a ship unless the ship is ready to receive them. No explosives should be discharged from a ship at a berth unless the means of transport by which they are to be removed from the port area is ready to receive them.
- vii. Kawasan dermaga di mana bahan letupan dikendalikan perlu ditandakan sebagai kawasan larangan. Had kawasan adalah sehingga 50 meter dari kawasan pengendalian.
The area of the wharf where the explosives are being handled should be marked out as protected area. The limit of the area should extend 50 meter from the immediate handling area.
- viii. Papan tanda larangan merokok diletakkan di kawasan pengendalian. Tidak dibenarkan sumber api dibawa/ hampir dengan tempat bahan letupan dikendalikan. Pemakaian kasut paku besi, tumit atau hujung yang tidak dilindungi adalah dilarang.
Signage of prohibiting smoking is visible the handling area. No sources of ignition should be brought into or near to a place where explosives are being handled. The wearing of shoes or boots with unprotected metal nails, heels or tips of any kind should be prohibited.
- ix. Ejen penghantaran / penerima / ejen perkapalan / haulier yang terlibat perlu memperkenalkan dirinya kepada pegawai (operasi dermaga) bertugas.
Forwarding agent / consignee / shipping agent / haulier in charge of the operation should introduce himself to the officer (berth operation) on duty.
- x. Pemancar radar tidak dibenarkan dalam jarak 50 meter dari kawasan pengendalian dagangan semasa bahan letupan dikendalikan.
During the handling of explosives, no radar transmitter should be used within 50 meter of the goods handling area.
- xi. Kapal atau kenderaan yang telah dimuatkan dengan bahan letupan perlu meninggalkan kawasan pelabuhan dengan segera apabila kerja telah selesai.
When loading of explosives are completed, the loaded ship or vehicle should depart from the port area as soon as possible.
- xii. Bot tunda dalam keadaan tunggu sedia dalam masa yang singkat.
Tug boat to be on standby at short notice.

- xiii. Operasi perlu dihentikan jika cuaca tidak mengizinkan
To stop operation if weather is not permitting.
- xiv. Tidak dibenarkan aktiviti bunker semasa pengendalian bahan letupan.
Bunkering activity is prohibited during the handling of explosives.
- xv. Kebenaran bertulis perlu diperolehi daripada pihak Lembaga untuk kapal berada di dermaga sekiranya pemuatan/ pemungghahan tidak dapat dihabiskan
For incomplete load/ discharge, consent in writing should be obtained from the Authority for vessel to stay alongside wharf.
- xvi. Sekiranya ada keperluan, langkah-langkah keselamatan tambahan akan dilaksanakan oleh pihak Lembaga.
Additional safety precautions may be imposed by the Authority as and when needed.